| Penyampaian Cenderahati | 1. Pertandingan Ping Pong Perseorangan Tertutup Jabatan :-<br><br>**Hadiah utama :-**<br><br>Tempat Pertama oleh En. Rohim b. Samsudin<br>Tempat kedua oleh En. Mohd Munizam b. Abdul Aziz<br>Tempat ketiga oleh En. Mohd Ghazali<br>Tempat keempat oleh En. Mawardi b. Said<br>Tempat kelima oleh En. Nurul Akmal Hafiz<br><br>**Hadiah saguhati :-**<br><br>a. En. Md. ZuhriAmri b. Zamri<br>b. En. Norrazi b. Ismail<br>c. En. Shukor b. Mohamad Ali<br>d. En. Mohd Khairi b. Mat Yassin<br>e. En. Azwari b. Ismail<br>f. En. Mohd Fadzli b. Ahmad<br>g. En. Shaharil bin Mohamad<br><br>2. Cenderahati kepada PIC terbaik 5S Jan-Mac 2012 :-<br>- PIC Ruang Legar terbaik – Shahril Mohamad |

| | |
|---|---|
| Pelajar Praktikal | - 6 orang pelajar praktikal |
| Selamat Datang | - Seorang TA ditempatkan di Unit Kawalan ( Pn Norazira bt. Abdul Wahab ) |
| Ucapan Tuan Pengarah | 1. **Taniah**<br>• Ucapan taniah kepada penerima APC 2011 seramai 5 orang.<br>2. **Cuti EL**<br>• Jangan ambil cuti EL sesuka hati. Maklum kepada ketua unit dan perlu selaras dengan baki cuti.<br>3. **Selamat Datang**<br>• Ucap selamat datang kepada semua pelajar praktikal dan kakitangan jabatan baru. |
| Jemputan Khas | - Tiada - |
| Mutiara kata | **Ada 2 orang yang gagal dalam hidup :-**<br>- Orang yang tidak membuat apa yang disuruh dan hanya membuat apa yang disuruh. |



| Aktiviti | Perkara / Pegawai Yang Terlibat |
|---|---|
| Tarikh Perhimpunan | 15 Ogos 2012 |
| Jumlah Kehadiran | 47 orang |
| Pengerusi | Pn. Nurliza bt. Mustamam |
| Bacaan Doa | En. Asraf Shaikh Hussin |
| Taklimat Kod Etika | - Tiada - |
| Taklimat Kursus | - Tiada - |
| Pemidato Bebas | - Tiada - |
| Anugerah Hari Lahir | a. En. Mohd Ghazali b. Abdul Rasit yang dilahirkan **pada 5 Ogos**<br>b. En. Azwarie b. Ismail yang dilahirkan **pada 8 Ogos**<br>c. En. Muhammad Sauffe b. Mohd Saad yang dilahirkan **pada 13 Ogos**<br>e. Pn. Nazirah bt. Ahmad yang dilahirkan **pada 16 Ogos**<br>f. En. Razak b. Ahmat yang dilahirkan **pada 30 Ogos** |
| Penyampaian Cenderahati | - tiada - |
| Pelajar Praktikal | - tiada - |
| Selamat Datang / Majlis Perpisahan | - tiada - |
| Ucapan Tuan Pengarah | 1. **Selamat Berpuasa dan Hari Raya**<br>• Ucap selamat berpuasa dan menyambut hari raya kepada semua kakitangan.<br><br>2. **Program 5S**<br>• Amalkan konsep KAIZEN – kreatif<br>• Taniah En. Bakar usaha dapatkan pensijilan 5S<br><br>3. **Disiplin**<br>• Pohon semua kakitangan jangan datang lewat dan balik awal sesuka hati. Perkara ini akan dipantau oleh Pn. Samsiah.<br><br>4. **Amalan kemalasan**<br>• Malaysia menduduki ke 10 termalas.<br>• Tuan pengarah anggap ini satu sifat yang memalukan.<br>• Penduduk Malaysia terlalu bergantung kepada subsidi. |
| Jemputan Khas | - Tiada - |
| Mutiara kata | **Ikhlas hati :-**<br>- Hanya tuhan yang mengetahui dan dapat menilai keikhlasan seseorang. |

Diari PERHIMPUNAN BULANAN BAGI PEGAWAI-PEGAWAI JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA NEGERI PULAU PINANG

# OKTOBER 2012

| Aktiviti | Perkara / Pegawai Yang Terlibat |
|---|---|
| Tarikh Perhimpunan | 7 Oktober 2012 |
| Jumlah Kehadiran | 48 orang |
| Pengerusi | Pn. Norrazi Ismail |
| Bacaan Doa | En. Roslan |
| Taklimat Kod Etika | - tiada - |
| Taklimat Kursus | - Tiada - |
| Pemidato Bebas | - Tiada - |
| Anugerah Hari Lahir | a. En. Sahrizal b. Jamaludin yang dilahrkan **pada 8 September**<br>b. En. Farid b. Hashim yang dilahirkan **pada 9 September**<br>c. Tn. Haji Zainuddin b. Ahamad yang dilahirkan **pada 19 September**<br>d. Pn. Rakiah bt. Laidin yang dilahirkan **pada 27 September**<br>e. En. Shaharil b. Mohamad yang dilahirkan **pada 30 September**<br>f. En. Bakar b. Othman yang dilahirkan **pada 3 Oktober**<br>g. Pn. Muziah bt. Hamzah **pada 12 Oktober**<br>h. Pn. Khadijah bt. Abdul Karim yang dilahirkan **pada 13 Oktober**<br>i. En. Mohd Khairi b. Mat Yasin yang dilahirkan **pada 21 Oktober** |
| Penyampaian Cenderahati | Penyampaian cek Insuran kepada Pn Ariyanti. |
| Pelajar Praktikal | - tiada - |
| Selamat Datang | 3 orang kakitangan baru ditempatkan di unit 2 dan unit Pentadbiran. |
| Ucapan Tuan Pengarah | 1. **Taniah**<br>• Diucapkan kepada unit ICT untuk usaha mendapatkan 4 bintang (67%).<br>• Nombor 150 daripada 1200 jabatan.<br><br>2. **Terbitan Buletin**<br>• Taniah di atas terbitan laporan tahunan dan buletin lembaga rayuan.<br><br>3. **Disiplin**<br>• Datang lewat kelulusan ketua unit.<br>• Balik awal kelulusan ketua unit & pengarah.<br><br>4. **SUKNA**<br>• Akan berlangsung pada Jun 2013 di Kuala Terengganu. |
| Jemputan Khas | - tiada - |
| Mutiara kata | - Fikirkan kebesaran Ciptaan Allah & keindahan ciptaanNya |

## SEKSYEN 20A – PROJEK-PROJEK KERAJAAN YANG DIURUSKAN & DISELIA OLEH JKR

### SENARAI PROJEK – PROJEK SEKSYEN 20A JAN 2012 – DIS 2012

| PERMOHONAN DI BAWAH SEKSYEN 20A | | |
|---|---|---|
| DAERAH | BIL. PERMOHONAN | NAMA PROJEK |
| DTL | 1 | 1. Permohonan Rundingan Bagi Cadangan Pemajuan: Kerja-kerja Meroboh dan Membina Masjid Sungai Gelugor Di Atas Sebahagian Lot 3386, 3387, 5773 7 5774 Daerah Timur Laut, Pulau Pinang (Telah diperakukan pada JPN) |
| DBD | - | - |
| SPU | 3 | 1. Permohonan Rundingan Bagi Membina dan Menyiapakan Institut Kemahiran Mara (IKM) Di atas Sebahagian Lot Lot 398, MK 13, Seb. Perai Utara (Telah diperakukan pada JPN)<br>2. Permohonan Rundingan Bagi Pembangunan Menaiktaraf Balai Polis Teluk Air Tawar , Di Atas lot 2518 & 2519, Teluk Air Tawar, Butterworth , Pulau Pinang<br>3. Permohonan Rundingan Bagi Pembangunan Menaiktaraf Balai Polis Sungai Dua, Di Atas lot 11988,Mukim 10, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang |
| SPT | 1 | 1. Permohonan Rundingan Bagi Pemajuan Pembinaan Jejambat Menghubungkan Jalan Nangka dengan Jalan Perda Timur Merentasi Jalan Padang Lalang/ Landasan Keretapi/ Jalan Permatang Rawa, Mukim 7, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang |
| SPS | 1 | 1. Permohonan Rundingan Bagi Cadangan Pemajuan Pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil , Ladang Batu Kawan , Lot 2393, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang |
| JUMLAH | 6 | |

## HASIL DARIPADA AKTIVITI KAWALAN PEMBANGUNAN YANG DIPEROLEHI BAGI TAHUN 2011 & 2012

| PERBANDINGAN MENGIKUT TAHUN | JUMLAH (RM) |
|---|---|
| 2011 | 244 040.00 |
| 2012 | 243 173.29 |

## TANGGUNGJAWAB JPBD NEGERI SEBAGAI URUSETIA RUNDINGAN PROJEK

- Memastikan dokumen yang dikemukakan adalah lengkap dari segi maklumat berhubung sesuatu cadangan pemajuan.
- Setelah JPBD Negeri menerima maklumat perancangan yang lengkap daripada JKR, rundingan akan dibuat dalam tempoh tidak melebihi 14 hari.
- Pengarah JPBD Negeri merupakan pengerusi mesyuarat rundingan (bagi negeri yang melantik Pengarah JPBD Negeri selaku pengerusi). Segala keputusan rundingan hendaklah dimaklumkan di dalam Mesyuarat JPN dan dimaklumkan kepada PBT berkaitan.
- JPBD Negeri memainkan peranan utama bagi memastikan urusan mudahcara proses rundingan ini berjalan lancar.

## SENARAI AHLI JAWATANKUASA TEKNIKAL UNTUK RUNDINGAN PROJEK

### Pengerusi

Setiausaha Kerajaan Negeri /
Pengarah JPBD Negeri

### Urusetia

Jabatan Perancangan Bandar
dan Desa Negeri

### Ahli

- YDP PBT berkaitan
- Pengarah Pejabat Tanah dan Galian / Pentadbir Tanah Daerah
- Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri / Daerah
- Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran
- Pengarah Jabatan Alam Sekitar
- Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains
- Pengurus suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
- Pengurus Besar Indah Water Konsortium (IWK)
- Pengurus Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal
- Badan Berkuasa Air Negeri
- Jabatan – jabatan teknikal yang berkaitan.

## CARTA ALIR URUSAN RUNDINGAN DENGAN JPN BAGI PROJEK-PROJEK KERAJAAN YANG DIURUSKAN DAN DISELIA OLEH JABATAN KERJA RAYA (JKR)




Setiausaha JPN (Pengarah JPBD Negeri) memaklumkan kepada JKR berkenaan rundingan bagi projek-projek JKR

# PERMOHONAN RUNDINGAN BAGI PROJEK PEMBANGUNAN JABATAN KERJA RAYA (SEKSYEN 20A AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)




Membina dan Menyiapkan INSTITUT KEMAHIRAN MARA (IKM)

## Kerja-kerja Meroboh dan Membina MASJID SUNGAI GELUGOR

- Pembangunan ini melibatkan pembinaan sebuah Masjid yang terdiri daripada Dewan Solat Utama, Ruang Solat Perempuan,
- Tandas Lelaki, Tandas Perempuan, Tempat Wuduk Lelaki, Tempat Wuduk Perempuan, Bilik Pengurusan Jenazah, Bilik Imam, Bilik Untiliti, Balai Lintang dan Anjung
- Cadagan pembangunan - seluas 2.5 ekar / 9973 m.p
- Sebuah projek kerajaan di bawah Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang.







## KALENDER AKTIVITI 2012

**8 FEBRUARI 2012**
Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal JPN (Rundingan Bil. 1/2012

**2 MAC 2012**
Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Menimbang Permohonan Kebenaran Merancang, Bagi Kawasan Di Luar Pihak Berkuasa Tempatan Bil. 1/2012

**19 APRIL 2012**
Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pusat Setempat (OSC) Bil. 1/2012

**4 JUN 2012**
Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Pelan Bangunan Negeri Pulau Pinang Bil 3/2012

**30 JULAI 2012**
Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Menimbang Permohonan Kebenaran Merancang, Bagi Kawasan Di Luar Pihak Berkuasa Tempatan Bil. 2/2012

**18 SEPTEMBER 2012**
Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal JPN (Rundingan) Bil. 3/2012

**25 SEPTEMBER 2012**
Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Menimbang Permohonan Kebenaran Merancang, Bagi Kawasan Di Luar Pihak Berkuasa Tempatan Bil. 3/2012

**5 OKTOBER 2012**
Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pusat Setempat (OSC) Bil. 2/2012

**7 NOVEMBER 2012**
Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal JPN (Rundingan) Bil. 4 & 5/2012

**21 NOVEMBER 2012**
Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Pelan Bangunan Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2012

**30 NOVEMBER 2012**
Mesyuarat Unit Kawalan Pembangunan Tahun 2012

**19 DISEMBER 2012**
urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Pelan Bangunan Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2012


UNIT BANK DATA DATA DAN ICT

## PENGENALAN

Unit ICT & Bank Data diujudkan pada Mac 2008 dan diletakkan sepenuhnya di bawah pengawasan dan arahan Pengarah JPBDPP dan diketuai oleh seorang Pegawai Perancang Bandar (J41).

Unit ini dibahagikan kepada 2 entiti iaitu ICT dan Bank Data (GIS) di mana ICT dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Sistem Maklumat F29 ( Belum diisi ), seorang Juruteknik J22 dan 2 orang Juruteknik ( J17 ) manakala Bank Data ( GIS ) dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa J29, seorang Juruteknik Kanan J22, 2 orang Juruteknik J17 dan 2 orang Pelukis Pelan J17 yang mempunya tugas hakiki dan turut membantu dari aspek pengurusan dan teknikal di samping tugasan yang diberikan dari semasa di dalam penyediaan data dan kidmat ICT kepada semua Bahagian & Unit di JPBDPP.




## FUNGSI

Fungsi Unit adalah untuk menyelaras, mengemaskini dan menyediakan:-

- Pembangunan ICT Jabatan
- Pembangunan & Perolehan Data Geospatial ( Vektor & Raster ) dan Pengakalan Data.
- Pembekalan data / maklumat antara jabatan, agensi dan individu terlibat.
- Pembangunan / Pengurusan Aplikasi JPBD Geoportal
- Pengerusi dan Urusetia Pasukan Kerja MyGDI Negeri Pulau Pinang.
- Pengerusi dan Urusetia JKPPD Negeri Pulau Pinang serta Pengurusan dan Pemantauan Data (PPD) Peringkat Negeri Pulau Pinang.
- Menyelaras latihan-latihan melibatkan perisian untuk kegunaan jabatan.
- Memantau dan menyelenggara Laman Web Jabatan.
- Memantau dan mengemaskini JPBD Geoportal.
- AJK ICT Strategik Plan (ISP) peringkat negeri & JPBDSM serta pemantauan perlaksanaan ISP.
- Perlaksanaan & Maklumbalas semua keputusan Mesyuarat Jawatankuasa eGG yang berkaitan Jabatan.
- Perlaksanaan & Pengurusan terhadap semua aplikasi peringkat negeri & nasional yang dipertangungjawab seperti aplikasi iDOf, email, eTanah, SISIP, ICS, ePlanning.
- Perolehan & Penyelengaraan Perakatan ICT Jabatan.
- Menerima dan mengambil tindakan di atas arahan Pengarah JPBDNS dari semasa ke semasa.




# KAJIAN KEMUDAHAN AWAM NEGERI PULAU PINANG

Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang telah menjalankan kajian Kemudahan Awam bagi seluruh Negeri Pulau Pinang yang mengambil masa 4 bulan bermula bulan Ogos 2012 hingga November 2012.

Hasil Kajian Kemudahan Awam in adalah satu inventori kemudahan-kemudahan awam sedia ada dan garispanduan penyediaan kemudahan-kemudahan awam dalam perancangan dan masa depan. Penyediaan kemudahan awam yang mencukupi seperti kemudahan kesihatan, polis, bomba dan penyelamat, kompleks dan pusat komuniti, pepustakaan awam, perkhidmatan pos, orang kurang upaya, tempat ibadat dan juga kemudahan tanah perkuburan, perlu dikawal dan dipantau supaya ianya dapat memberikan keselesaan kepada orang awam supaya perletakan dan perancangan lebih user-oriented dan bukan secara ad-hoc.

Selain itu, kajian kemudahan awam bertujuan memastikan setiap cadangan atau pengesyoran perancangan dan pembangunan guna tanah khususnya melibatkan kemudahan awam memenuhi keperluan yang digariskan di dalam rancangan pembangunan sedia ada yang telah diwartakan diperingkat Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pelaksanaan ini selari dengan pembangunan data GIS yang dapat memastikan maklumat-maklumat perancangan Kemudahan Awam dapat dikumpulkan, disimpan dan dikemaskinikan dari masa ke semasa.



# MAKLUMAT TERKINI

- Maklumat Gunatanah SPU, SPT, SPS & DBD bagi tahun 2012.
- Maklumat Kemudahan Awam P.Pinang 2012.
- Data LiDAR & Data Ortophoto bagi Bahagian Pulau & Satelite Images bagi Bahagian Seberang Perai .
- Data Sempadan Kampong di negeri Pulau Pinang 2012

# PEMBEKALAN DATA & MAKLUMAT (JAN-DIS 2012)

- PDRM Pulau Pinang - POLGIS.
- JPBDSM – BRFN, BMGN, BR &
- D, B.PERANCANGAN WILAYAH
  JPBDSM – Pejabat Projek
- SIRIM
- Think City Sdn Bhd ( SPV Khazanah Nasional).
- Penang Institute.
- PBT – MPPP & MPSP.
- Perunding SAP George Tow World Heritage
- Perunding SAP Botanical Garden
- Perunding RTD DTI & DBD
- Student – peringkat Master & PHD dari perbagai IPT & IPTS





## RASTER IMAGE

### Orthophoto - Pulau
### Satelite Image - Quickbird
### (Seberang Perai)

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah membuat perolehan pembelian image satelit quickbird 0.5 meter bagi kawasan Seberang Perai dan image Arthophoto 0.2 meter bagi kawasan Pulau Pinang dengan harga RM 180,000. Penggunaan data ini secara meluas di dalam penyediaan kerja-kerja kawalan pembangunan dan penyediaan Kajian Semula RSN Negeri Pulau Pinang

# PENCAPAIAN UNIT BANK DATA DAN ICT

Petunjuk Impak bagi tugas utama unit

| Bil | Petunjuk Impak | Pencapaian Sebenar Tahun 2011 | Anggaran Pencapaian Tahunan Semasa 2012 | Unjuran Bagi Tahun 2013 |
|---|---|---|---|---|
| a. | Bilangan Data Geospatial / Layer (shp, tab,ddxf,dwg dll ) yang dibangunkan | -55 data geospatial<br>-111,856 poly/line/ point<br>-510,165 attribute | - 29 data geospatial<br>-151,036 poly/line/ point<br>- 2,751,911 attribute | -40 data geospatial<br>-200,000 poly/line/ point<br>- 3,000,000 attribute<br>(Berdasarkan Kajian/Pengemaskinian |
| b. | Bilangan Data dan Maklumat / pelan/gambarajah yang dibekalkan kepada agensi & pelanggan jabatan | 6102<br>perbagai pelan / Format / Saiz | 2778<br>perbagai pelan / Format / Saiz | 5000 perbagai pelan / Format / Saiz<br>( Derdasarkan Kajian atau Permohonan ) |
| c. | Bilangan persembahan digital untuk setiap projek atau kajian spt taklimat / tugasan jabatan | 139<br>Persembahan perbagai Format | 34<br>Persembahan perbagai Format | 100 Persembahan perbagai Format<br>( Derdasarkan Kajian atau Mesyuarat dll ) |
| d. | Bilangan pengurusan / urusetia terhadap 6 aplikasi / website jabatan yang dibangunkan | 6 Aplikasi<br>24 Pengurusnan<br>(Pembangunan / Pengemaskinian/ Pengoperasian dll ) | 9 Aplikasi<br>36 Pengurusnan<br>(Pembangunan / Pengemaskinian/ Pengoperasian dll ) | 10 Aplikasi<br>40 Pengurusnan<br>(Pembangunan / Pengemaskinian/ Pengoperasian dll ) |
| e. | Bilangan katalaluan JPBDGeoportal yang telah dikeluarkan kepada individu dan jabatan serta agensi | 150 kata laluan | 160 kata laluan | 200 kata laluan |
| f. | Bilangan penyelenggaraan peralatan ICT ( 60 PC, 1 plotter, 20 printer dan 6 Server ) jabatan dan subsciption aplikasi | 24<br>Perolehan / Selenggaraan | 24<br>Perolehan / Selenggaraan | 30<br>Perolehan / Selenggaraan |

# AKTIVITI ICT DAN BANK DATA SEPANJANG TAHUN 2012

| Bil | Perkara | Tarikh |
|---|---|---|
| 1 | Menghadiri ESRI Malaysia ArcGIS Seminar 2012 di PICC Putrajaya | 03/01/2012 |
| 2 | Mesyuarat Penyelarasan Pemakaian MS1759 Bagi Kategori Demarcation Landuse di MACGDI Putrajaya. | 18/01/2012 |
| 3 | Mesyuarat Project Geographical Information System – Decision Support System (Gis-DSS) : Towards Environmental Health Indicator For Poultry Husbandry di SIRIM, Shah Alam. | 19/01/2012 |
| 4 | Pembentangan Data & Geoportal Tanah Wakaf kepada Timbalan Ketua Menteri YB Dato' Mansor bin Haji Othman di Pejabat TKM | 26/01/2012 |
| 5 | Mesyuarat Status Kemajuan Projek POLGIS-PEN, di PEGIS. | 03/02/2012 |
| 7 | Menghadiri International Symposium On Spatially Enable Government And Society – Towards Spatial Maturity di KLCC | 14-17/02/2012 |
| 8 | Menghadiri Makmal Pembangunan Hartanah Sesi Perbincangan Data Center Repository (DCR) Permohonan Perancangan Bersama JPBD Negeri di JPBDSM, KL | 27/02/2012 |
| 9 | Taklimat Perkongsian Teknologi Remote Sensing di Pejabat Geointeligence Sdn Bhd, KL. | 09/03/2012 |
| 10 | PDRM-Wawancara Dokumentari Kumpulan Inovatif & Kreatif, IPK PP. | 22/03/2012 |
| 11 | Taklimat & Perbincangan Lawatan dari TNB HQ (Pasukan Petugas GIS, Jab Pengurusan Aset) | 23/03/2012 |
| 12 | Menghadiri Mesyuarat J/Kuasa Teknikal Framework MyGDI (JTFM) di Hotel Felda Residence K.Terengganu | 02/04/2012 |
| 13 | Insiatif 20 : Makmal Pembangunan Hartanah Bengkel Perluasan Pembentukan 'Data Centre Repository'(DCR) di Hotel Bayview George Town. | 02-04/04/2012 |
| 14 | Insiatif 20 : Makmal Pembangunan Hartanah Bengkel Perluasan Pembentukan 'Data Centre Repository'(DCR) di Kuala Terangganu. | 16-19/04/2012 |
| 15 | Mesyuarat Pengemaskinian dan Pembangunan Semula 4 Aplikasi JPBD Geoportal di Pejabat Terradesic SB, KL. | 08/05/2012 |
| 16 | Menghadiri Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan – NGIS ke 5 Tahun 2012 di PICC. Putrajaya | 21-22/05/2012 |
| 17 | Bengkel Kajian Semula Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 di Sunway Hotel P.Pinang. | 11-12/07/2012 |
| 18 | Taklimat Kajian Kampung kepada JKuasa Tindakan Daerah (MJJKTD) Bagi Daerah Timor Laut, di PDTDTL. | 26/07/2012 |
| 19 | Mesyuarat J/kuasa Teknikal Projek Heritage Intergrated Database System di Pejabat GTWHI, P.Pinang. | 30/07/2012 |

# BAHAGIAN KORPORAT DAN LEMBAGA RAYUAN






# PENGENALAN

Fungsi utama bahagian ini adalah mengurusetiakan beberapa mesyuarat jawatankuasa penting di dalam negeri Pulau Pinang ini. Tugas utama adalah menjadi urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri yang dipengerusikan oleh Y.A.B Ketua Menteri dan Pengarah sebagai Setiausaha / Penasihat. Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri tahun 2012 telah berjaya diadakan sebanyak 12 kali dan telah berjaya membentangkan 201 Kertas Kerja yang merangkumi Kertas Dasar, Rancangan Pemajuan (RS/RT/RKK), Kes-Kes Perlingkungan (Rezoning), Seksyen 20A dan Kebenaran Merancang.

Semua kes perlingkungan perlu dibincangkan diperingkat Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri terlebih dahulu. Bahagian ini telah berjaya mengurusetiakan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri sebanyak 11 kali sepanjang tahun 2012. Sebanyak 115 kertas kerja perlingkungan (JPBD/MPPP/MPSP) berjaya dibawa masuk dan dibincangkan diperingkat ini dan 85 daripadanya telah diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri.

Jawatankuasa MMK Perancang Bandar juga diursetiakan oleh bahagian ini yang telah berjaya dijalankan sebanyak 3 kali pada tahun 2012. Perkara yang dibincangkan menjurus kepada pelaporan berkaitan Garis Panduan, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas bagi Negeri Pulau Pinang.

Projek utama Bahagian Lembaga Rayuan bagi tahun 2012 adalah membangunkan aplikasi e-Rayuan dimana menyediakan kemudahan atas talian bagi perayu untuk mengemukakan rayuan ke Lembaga Rayuan Pulau Pinang. Fasa I projek ini telah dilaksanakan pada 8.10.2012 – 30.11.2012 dengan kos sebanyak RM111,416 yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang melibatkan data conversion daripada format asal (manual) ke format digital.

Projek Bahagian Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang tidak terhenti pada pembinaan sistem e-Rayuan malah diteruskan dengan pembinaan Dewan Persidangan Lembaga Rayuan yang pertama seumpamanya di Negeri Pulau Pinang, bertempat di Tingkat 57, KOMTAR. Kos pembinaan Dewan Persidangan ini menelan belanja sebanyak RM200,000 dibiayai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sendiri.

Bahagian Perancangan Korporat juga menjalankan tugas sebaran dasar melalui Buletin Rancang dua kali setahun yang mengandungi aktiviti kakitangan sepanjang tahun, Buletin Lembaga Rayuan yang mengandungi keputusan *(grounds of decision)* kes-kes Lembaga Rayuan dan akhirnya penerbitan Laporan Tahunan di mana kandungan keseluruhan aktiviti, projek, pameran serta mesyuarat yang telah dianjur dan diurusetiakan oleh JPBDPP. Sebaran kesemua penerbitan ini dipamer, diiklan dan dijual di dalam laman sosial facebook dibawah nama pengguna Lembaga Rayuan.

Sepanjang tahun 2012, Bahagian Korporat telah berjaya dengan memperolehi keputusan seperti Audit Star Rating 88.02% (4 Bintang), Piagam Pelanggan 86% dan pelaporan ke Negeri Pahang 100% dan Negeri Selangor 91.2%. Kesemua pencapaian ini merupakan hasil kerja Bahagian Korporat.

# FUNGSI
## BAHAGIAN KORPORAT DAN LEMBAGA RAYUAN

1. Mengurusetiakan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri.
2. Mengurusetiakan Mesyuarat Jawatankuasa MMK Perancang Bandar.
3. Mengurusetiakan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri.
4. Menjadi Pendaftar Kes-Kes Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang dan menguruskan persidangan Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang (3-6 hari sebulan).
5. Menguruskan Fasa I Projek e-Rayuan Lemabaga Rayuan Negeri Pulau Pinang.
6. Menguruskan Fasa I Pembinaan Dewan Persidangan Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang.
7. Bahagian Sebaran Dasar / Garis Panduan / Penerbitan / Negeri dan Persekutuan
8. Menjalankan tugas-tugas Korporat Jabatan seperti
   - ISO
   - Piagam Pelanggan
   - Star Rating
   - Manual Prosedur Kerja (MPK)
   - Maklumbalas Kepuasan Pelangggan Luar dan Dalam
   - KPI
9 Urusetia Penerbitan Jabatan
   - Laporan Tahunan
   - Buletin Rancang
   - Buletin Lembaga Rayuan
10. Pengurusan Latihan Kakitangan dan Latihan Praktik.

# JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI

Punca kuasa Jawatankuasa ini adalah di bawah peruntukan seksyen 4(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang mengikut peruntukan seksyen 4(1)(a) dan Timbalan Pengerusi iaitu seorang ahli MMK Negeri mengikut peruntukan seksyen 4(1)(b). Peruntukan seksyen 4(1)(ba) pula mensyaratkan supaya tiga (3) orang ahli dilantik di kalangan ahli MMK Negeri di mana sekurang-kurangnya seorang daripadanya hendaklah memegang portfolio berhubung perancangan bandar dan desa. Jumlah keahlian adalah seramai 18 orang termasuk ketua-ketua Jabatan yang dilantik termasuk Pengarah JPBD Negeri merangkap urusetia mesyuarat. Selaras dengan dasar Pihak Berkuasa Negeri semua ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang lain adalah dijemput hadir dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri.

Pada tahun 2012, Jabatan telah berjaya mengurusetiakan sebanyak 12 kali mesyuarat di mana 201 kertas kerja telah dibentang.

| NO. SIRI JPN DAN TARIKH | BILANGAN KERTAS KERJA DI BENTANGKAN | KERTAS DASAR BERKAITAN | RANCANGAN PEMAJUAN (RS/RT/RKK) | KES-KES PERLINDUNGAN (REZONING) | SEKSYEN 20A | KEBENARAN MERANCANG |
|---|---|---|---|---|---|---|
| BIL. 1 / 2012 - 27 / 1 / 2012 | 15 | - | 1 | 10 | - | 4 |
| BIL. 2 / 2012 - 27 / 2 / 2012 | 18 | 2 | - | 12 | - | 4 |
| BIL. 3 / 2012 - 29 / 3 / 2012 | 12 | - | 1 | 11 | - | - |
| BIL. 4 / 2012 - 14 / 5 / 2012 | 23 | 2 | 3 | 10 | 2 | 6 |
| BIL. 5 / 2012 - 14 / 6 / 2012 | 14 | 2 | - | 9 | 1 | 2 |
| BIL. 6 / 2012 - 25 / 7 / 2012 | 28 | 3 | 1 | 11 | - | 13 |
| BIL. 7 / 2012 - 30 / 8 /2012 | 21 | 2 | - | 9 | - | 10 |
| BIL. 8 / 2012 - 12 / 9 / 2012 | 1 | - | 1 | - | - | - |
| BIL. 9 / 2012 - 5 / 10 / 2012 | 27 | 1 | 2 | 11 | - | 13 |
| BIL. 10 / 2012 - 20 / 11 / 2012 | 23 | 2 | 1 | 14 | 1 | 5 |
| BIL. 11 / 2012 - 3 / 12 / 2012 | 4 | - | 3 | 1 | - | - |
| BIL. 12 / 2012 - 10 / 12 / 2012 | 15 | 3 | 1 | 4 | 1 | 6 |
| JUMLAH | 201 | 17 | 14 | 102 | 5 | 63 |

# JAWATANKUASA TEKNIKAL PERANCANG NEGERI.

Pada tahun 2012, Jabatan telah berjaya menjadi urusetia kepada 11 Mesyuarat Teknikal Perancang Negeri dan sebanyak 97 Kertas Kerja dibincangkan. Kebanyakkan Kertas Kerja ini adalah berkaitan dengan permohonan perlingkungan semula (rezoning) yang dipohon oleh pemaju, cadangan dan graf garis panduan dari pihak Persekutuan dan Kerajaan Tempatan.




| NO. SIRI JTPN | BIL. KERTAS KERJA | BIL. KERTAS KERJA LAIN - LAIN | TANGGUH | DIANGKAT KE JPN | TARIK BALIK PEMOHONAN |
|---|---|---|---|---|---|
| BIL. 1 / 2012 | 7<br>11 (PERKARA BERBANGKIT DARI TAHUN 2011) | -<br>- | 5<br>8 (KERTAS KERJA TAHUN 2011) | 2<br>3 (KERTAS KERJA TAHUN 2011) | -<br>- |
| BIL. 2 / 2012 | 12 | 1 | 12 | 15 | 1 |
| BIL. 3 / 2012 | 11 | - | 13 | 8 | 2 |
| BIL. 4 / 2012 | 6 | 1 | 9 | 9 | - |
| BIL. 5 / 2012 | 8 | 1 | 3 | 7 | 5 |
| BIL. 6 / 2012 | 11 | - | 9 | 5 | - |
| BIL. 7 / 2012 | 11 | - | 12 | 7 | - |
| BIL. 8 / 2012 | 9 | 1 | 12 | 8 | - |
| BIL. 9 / 2012 | 6 | - | 4 | 13 | - |
| BIL. 10 / 2012 | 9 | 3 | 8 | 5 | - |
| BIL. 11 / 2012 | 7 | 2 | 10 | 3 | 2 |
| JUMLAH | 108 | 7 | 105 | 85 | 10 |

| KERTAS KERJA | AGENSI PELAKSANAAN | TARIKH LULUS | TARIKH DISAHKAN |
|---|---|---|---|
| Garis Panduan Perancangan Gated Community And Guarded Neighbourhood | MPPP / MPSP | 27.2.2012 (Tertakluk Budibicara PBT) | 29.3.2012 |
| Cadangan Polisi, Garispanduan Dan Pelaksanaan Laluan Basikal Di Pulau Pinang | MPPP | 27.2.2012 | 29.3.2012 |
| Safety Guideline For Hillsite Development 2012 (Garis Panduan Keselamatan Pembangunan Cerun Bukir 2012) | JPBD Negeri Pulau Pinang / MPPP | 14.5.2012 | 14.5.2012 |
| Garis Panduan 'Projek Istimewa' Yang Dikenalpasti Di Dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (Tambahan) | JPBD Negeri Pulau Pinang | 14.5.2012 | 14.6.2012 |
| Cadangan Insentif Galakan Kepada Pemajuan Rumah Mampu Milik (RM400,000.00 Dan Ke Bawah Untuk MPPP Dan RM250,000.00 Untuk MPSP) - Rebat kepada Bayaran Infrastruktur (Pemajuan Yang Melebihi Ketumpatan/Nisbah Plot Yang Dibenarkan dan Peningkatan Nilai Tanah Bagi Perlingkungan Semula) | MPPP / MPSP | 14.6.2012 | 25.7.2012 |
| Garis Panduan Baru Peningkatan Ketumpatan Dan Nisbah Plot Bagi Kawasan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) - (Kadar bayaran harga rumah yang ditetapkan daripada 10% kepada 15% untuk unit yang dijual di bawah harga RM300,000.00) | MPPP | 14.6.2012 | 25.7.2012 |

| KERTAS KERJA | AGENSI PELAKSANAAN | TARIKH LULUS | TARIKH DISAHKAN |
|---|---|---|---|
| Garis Panduan Perancangan (GPP) Kejiranan Hijau | JPBD Sem. Malaysia | 25.7.2012 (Lulus Secara Prinsip) | 30.8.2012 |
| Permohonan Untuk Mengecualikan kawalan Densiti Bagi Pembinaan 350 Unit Rumah Pangsa Di Tapak Rumah Hijau Mak Mandin Sebagai Gantian Bagi Lebih 300 Buah Keluarga Setinggan Rumah Hijau Mak Mandin Dan Bukan Hanya 70 Buah Keluarga Ekoran Penswastaan Tanah di Seksyen 3, Butterworth, Seberang Perai Utara<br><br>Semasa pembentangan kertas kerja ini Jawatankuasa telah memutuskan supaya - tiada kawalan dari segi ketinggian dan ketumpatan (densiti) dikenakan bagi cadangan pemajuan melibatkan pembinaan 100% rumah kos rendah (LC) atau penyediaan rumah kos rendah yang disyaratkan dengan syarat pemohon mematuhi kesemua kehendak-kehendak teknikal. Dasar ini adalah terpakai untuk seluruh Negeri Pulau Pinang. | MPPP / MPSP | 25.7.2012 | 25.7.2012 |
| Kuantum Tawaran Wang Sumbangan Untuk Menggantikan Pembinaan LC/LMC.<br><br>Jawatankuasa memutuskan walaupun sudah ada dasar yang jelas mengenai tawaran wang sumbangan untuk menggantikan pembinaan LC/LMC, permohonan Kebenaran Merancang bagi kes-kes berkaitan masih perlu dikemukakan untuk makluman Jawatankuasa Perancang Negeri. | MPPP / MPSP | 25.7.2012 | 30.8.2012 |
| Garispanduan SOHO / Office Suite / Resort Suite Di Atas Lot Yang Dizonkan Sebagai Perniagaan Atau Pelancongan Mengikut Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan Majlis Perbandaran Pulau Pinang [MPPP/PN-020(PL/PP)(F1/96)] | MPPP | 30.8.2012 | 12.9.2012 |

| KERTAS KERJA | AGENSI PELAKSANAAN | TARIKH LULUS | TARIKH DISAHKAN |
|---|---|---|---|
| Keputusan Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang Bagi Kes LR/SP/31/2010 - Hu Yu Kamg VS MPSP – Terpakai Bagi Kes-Kes Penternakan Burung Walit / Pembinaan Rumah Burung Walit Di Kawasan Jelapang Padi. | MPPP / MPSP | 5.10.2012 | 20.11.2012 |
| Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat Melalui Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED) | MPPP / MPSP | 20. 11.2012 (Lulus secara prinsip) | 3.12.2012 |
| Cadangan Pindaan Ke Atas Garispanduan Perancangan Gated Community And Guarded Neighbourhood Yang Telah Diluluskan Oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Untuk Digunapakai Oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai. | MPSP | 3.12.2012 | 10.12.2012 |
| Draf Garis Panduan Papan Iklan Luar Negeri Pulau Pinang | Kerajaan Tempatan / SSI | 3.12.2012 | 10.12.2012 (Berkuatkuasa tahun 2013) |

## i) Tujuan

Untuk memantapkan lagi peraturan-peraturan keselamatan sedia ada bagi pembangunan di kawasan cerun bukit agar tidak lagi berlaku sebarang malapetaka seperti mana yang berlaku di beberapa kawasan dalam Negeri Pulau Pinang sebelum ini seperti tanah runtuh di kawasan kediaman Paya Terubong (1998) dan runtuhan bongkah batuan di Jalan Tun Sardon Balik Pulau (2003). Garispanduan Keselamatan Pembangunan Cerun Bukit 2012 ini adalah terpakai untuk kedua-dua pemajuan lama / sedia ada dan pemajuan baru.

## ii) Latar Belakang

Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan satu Panel Penasihat Geoteknikal Kawasan Bukit Dan Cerun, Negeri Pulau Pinang. Jawatankuasa Panel Penasihat ini dipengerusikan oleh Prof. Ir. Dr. Gue See Sew untuk tempoh 29 Ogos 2011 sehingga 28 Ogos 2012.

## iii) Objektif

1. Membuat klasifikasi kecerunan yang jelas untuk memudahkan pelaksanaan pada peringkat perancangan.

2. Menyatakan tugas-tugas dan tanggungjawab Jurutera dan Pemeriksa-pemeriksa Bebas semasa di peringkat rekabentuk dan pembinaan serta pemantauan secara berterusan bagi meningkatkan keselamatan kecerunan.

3. Berupaya mengurangkan kegunaan kawasan plinth (maksimum yang dibenarkan pada permukaan keras) untuk pembinaan bangunan-bangunan di lereng bukit bagi kelas 3 dan kelas 4, dengan niat untuk memelihara lebih banyak kawasan hijau semulajadi.



iv) Garispanduan di peringkat draf telah dibentangkan kepada pihak awam melalui forum pada 22 Februari 2012 di mana maklum balas dari pihak-pihak yang ada kepentingan agak memberangsangkan dan beberapa pindaan telahpun dibuat mengikut kesesuaian. Antara persoalan-persoalan yang dibangkitkan adalah mengenai kemampuan permukaan keras yang agak terhad, definasi kecerunan, zon penampan, pematuhan bagi pembangunan termasuk rumah jenis sesebuah dan penambahbaikkan dari aspek penyeliaan dan tanggung jawab.

v) Pengkelasan cerun di bahagian pulau, Pulau Pinang terbahagi kepada 4 kelas / peringkat seperti berikut :-

| KATEGORI | GRADIAN | % GUNATANAH |
|---|---|---|
| KELAS 1 | GRADIAN 15 DARJAH KE BAWAH | 52 % |
| KELAS 2 | GRADIAN 25 DARJAH KE BAWAH | 9 % |
| KELAS 3 | GRADIAN 35 DARJAH KE BAWAH (A & B) | 19 % |
| KELAS 4 | GRADIAN MELEBIHI 35 DARJAH KE ATAS (A & B) | 20 % |

vi) Klasifikasi Cerun Bagi Tujuan Rekabentuk adalah mengikut perincian berikut :-

| KELAS | KECURAMAN CERUN (SLOPE GRADIENT) | RISIKO BERKAITAN: CERUN SEMULAJADI | RISIKO BERKAITAN: CERUN BUATAN MANUSIA 1 – POTONGAN | RISIKO BERKAITAN: CERUN BUATAN MANUSIA 1 – TAMBAKAN | MAKSIMUM DIBENARKAN - PERMUKAAN BERLANTAI KERAS 2 |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | 0° - 15° | RENDAH | RENDAH | RENDAH | RUJUK DASAR SEMASA |
| 2 | >15° - 25° | RENDAH | RENDAH | RENDAH | |
| 3A | >25° - 35° | SEDERHANA | SEDERHANA | TIADA KAITAN | 35% |
| 3B | >25° - 35° | TIADA KAITAN | TIADA KAITAN | TINGGI | 35% |
| 4A | > 35° | TINGGI | TINGGI | TIADA KAITAN | 30% |
| 4B | > 35° | TIADA KAITAN | TIADA KAITAN | SANGAT TINGGI | 30% |

*Note:*
1. *Cerun buatan manusia dalam kawasan cadangan pembangunan yang sebelum ini tertakluk kepada proses sedia ada bagi permohonan untuk pembangunan.*
2. *Permukaan keras adalah permukaan kedap sebagaimana yang ditakrifkan dalam MASMA*

ix) Perlantikan Jurutera Geoteknikal Rekabentuk dan Pemeriksa Bebas;

| KELAS | PERLANTIKAN |
|---|---|
| 1 (Risiko Rendah) | Jurutera Geoteknikal Rekabentuk adalah tidak diperlukan. |
| 2 (Risiko Rendah) | Perlantikan Jurutera Geoteknikal Rekabentuk oleh Pemaju. |
| 3A (Risiko Sederhana)<br>3B,4A (Risiko Tinggi) | Perlantikan Jurutera Geoteknikal Rekabentuk dan Pemeriksa Bebas oleh Pemaju. |
| 4B (Risiko Sangat Tinggi) | Perlantikan Jurutera Geoteknikal Rekabentuk dan Pemeriksa Bebas oleh Pemaju dan dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). |

x) Semasa dalam pembinaan, penyeliaan yang betul dan mencukupi adalah penting seperti ketetapan berikut;

| KELAS | KEPERLUAN PENYELIAAN |
|---|---|
| 1 & 2 (Risiko Rendah) | Sebarang perubahan kepada keperluan yang sedia ada seperti yang dinyatakan dalam Seksyen UBBL 5 dan 7. |
| 3A (Risiko Sederhana)<br>3B, 4A (Risiko Tinggi) | Audit tambahan melalui lawatan tapak hendaklah dijalankan oleh Pemeriksa Bebas.<br>Kekerapan minimum lawatan tapak hendaklah sekali dalam sebulan. |
| 4B (Risiko Sangat Tinggi) | Audit tambahan melalui lawatan tapak hendaklah dijalankan oleh Pemeriksa Bebas.<br>Kekerapan minimum lawatan tapak hendaklah sekali setiap dua minggu sekali.<br>Pemantauan instrumentasi hendaklah dijalankan untuk memantau keadaan cerun. |

xi) Penyelenggaraan cerun memerlukan input yang betul oleh Jurutera bertauliah merangkumi keperluan untuk menghasilkan penyelenggaraan secara manual supaya pemilik tahu tanggungjawab mereka dan kaedah yang terlibat di dalam penyelenggaraan cerun.

xii) Pembangunan yang dicadangkan di atas tanah rata yang bersebelahan dengan cerun yang berpotensi tidak stabil, yang tidak boleh diperkukuhkan untuk apa-apa sebab termasuk tidak dapat dilalui kerana isu-isu pencerobohan dan / atau tanah, akan memerlukan zon penampan yang sesuai. Lebar zon penampan hendaklah sekurang-kurangnya sama dengan ketinggian cerun.

xiii) Pembangunan yang dicadangkan ke atas cerun yang berpotensi tidak stabil, yang tidak boleh diperkukuhkan kerana tidak dapat dilalui dan / atau isu-isu tanah, maka tidak boleh dibenarkan.

xiv)Permohonan pelan kebenaran merancang yang melibatkan pembangunan kawasan cerun berbukit hendaklah dikemukakan secara serentak bersama-sama laporan geoteknikal.

xv) Kelulusan Laporan Geoteknikal adalah selepas perbincangan yang memuaskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Tanah Berisiko. Salinan kelulusan akan dikemukakan kepada OSC untuk disegerakan dengan proses kelulusan pelan susunatur.

xvi)Perancangan berterusan dan langkah keselamatan yang berkesan di masa hadapan bagi pembangunan di lereng bukit memerlukan suatu komitmen yang tinggi dari semua pihak yang berkepentingan iaitu :-

*1. Pihak Pemaju - mesti melantik para jurutera dan kontraktor mempunyai keupayaan dan kapasiti yang tinggi.*

*2. Para Jurutera - perlu ada kemahiran dan keupayaan dalam melaksanakan tugas, membuat pemeriksaan dan pemantauan, penyelenggaraan secara manual termasuk pemeriksaan secukupnya di peringkat pra-pembinaan.*

*3. Para Kontraktor - melantik di kalangan mereka yang terlatih, mempunyai peralatan/kelengkapan yang berupaya memenuhi keperluan kerja-kerja di tapak pembinaan termasuk langkah-langkah keselamatan, kawalan tapak dan perlindungan tapak hakisan.*

*4. Pihak Berkuasa - yang meluluskan sesuatu rekabentuk dan pelan susunatur mesti mempunyai jurutera berpengalaman dalam unit geoteknikal supaya kerja-kerja penguatkuasaan dan pematuhan dapat dilaksanakan dengan berkesan.*

xvii) Secara rasionalnya pemeriksaan oleh pemeriksa bebas dibuat hanya pada projek-projek yang berketinggian tidak melebihi 75 meter sahaja. Bagi cerun yang mengandungi kombinasi kelas 1 & 2 yang mempunyai gradian >25° adalah dianggap acceptional case dan tidak perlu pemeriksa bebas kerana pembinaan dibuat di atas aras kurang daripada 75 meter.

xviii) Garispanduan keselamatan ini boleh diterimapakai bagi projek-projek yang sedang berjalan dan projek-projek baru / akan datang. Sekiranya terdapat pihak yang tidak berpuas hati dan dibimbangi ada implikasi perundangan, maka kes-kes berkaitan akan dirujuk kepada pihak IKRAM di mana pihak MPPP akan melantik badan berkenaan untuk menyediakan laporan teknikal. IKRAM merupakan satu badan teknikal yang telah established menjadi rujukan asas pihak kerajaan.

xix) Syarat-syarat tambahan jika perlu boleh dikenakan ke atas mana-mana pemaju jika ada isu yang meragukan bagi mana-mana projek yang sedang berjalan. Bagaimanapun dalam hal-hal tertentu, PBT dinasihatkan supaya berbincang terlebih dahulu dengan pihak pemaju bagi mendapatkan kerjasama sepenuhnya memandang syarat ini melibatkan kos tambahan.

xx) Bagi projek-projek yang telah dilaksanakan atau sedang dalam perlaksanaan, garispanduan ini boleh dipakaikan sekiranya pihak berkuasa mendapati timbul keraguan atau sebab untuk meragui tahap keselamatan projek berkenaan selaras dengan peruntukan Akta 133 (Akta Parit, Jalan dan Bangunan).

xxi) Bagi projek-projek sedia ada, rundingan dengan pemaju hendaklah dibuat terlebih dahulu sebelum dikenakan syarat-syarat tambahan yang difikirkan perlu yang berbangkit dengan isu-isu keselamatan.





# GARISPANDUAN SOHO/ OFFICE SUITE / RESORT SUITE

DI ATAS LOT YANG DIZONKAN SEBAGAI PERNIAGAAN ATAU PELANCONGAN MENGIKUT PELAN DASAR PERANCANGAN DAN KAWALAN PEMAJUAN MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG

## TUJUAN

Garispanduan ini disediakan untuk menampung keperluan trend pembangunan semasa ruang komersil yang dijadikan sebagai kediaman.

## DEFINISI

Mengikut Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor, SOHO adalah singkatan daripada Small Office, Home Office di mana konsep pembangunan ini adalah merupakan perkongsian ruang pejabat dan kediaman pada masa yang sama pada satu-satu unit sama pada satu-satu unit.

## GARISPANDUAN PERANCANGAN

3.1 Cadangan Rekabentuk Dan Susunatur Ruang Dalaman SOHO

3.1.1 Rekabentuk SOHO adalah mirip kepada bentuk perumahan daripada bentuk perniagaan. Susunatur ruang dalaman SOHO terdiri daripada komponen-komponen seperti ruang tamu, dapur, ruang makan, bilik tidur dan sebagainya yang dapat merujuk kepada keperluan sesebuah unit rumah.

3.2 Anjakan Bangunan

3.2.1 Garispanduan anjakan bangunan tinggi perlu dipatuhi bagi pemajuan berasingan (free standing building):

- 4 tingkat dan ke bawah = 10 kaki
- 5 tingkat = 15 kaki
- 6 tingkat dan ke atas = 20 kaki.

3.3 Penyediaan kemudahan mesyarakat.
Kemudahan masyarakat yang asas seperti gymnesium, dewan dan lain-lain perlu disediakan mengikut kehendak PBT.

3.4 Penyediaan Rumah Kos Rendah / Sederhana Rendah

3.4.1 Pemajuan SOHO di Daerah Timur Laut (DTL) dan Daerah Barat Daya (DBD) disyaratkan membina rumah kos sederhana rendah sebanyak 30% (berdasarkan jumlah unit-unit SOHO yang dibina yang melebihi 50 unit).

3.4.2 Pemajuan SOHO yang tidak membina perumahan kos sederhana rendah (LMC) dan tidak membeli kuota rumah, mereka dikehendaki membayar hanya RM70,000 seunit kepada Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri bagi mana-mana pemajuan permohonan kebenaran merancang yang dikemukakan sebelum 24 Julai 2012 dan masih belum diluluskan.

3.4.3 Pemajuan SOHO yang tidak membina perumahan kos sederhana rendah (LMC) dan tidak membeli kuota rumah, mereka dikehendaki membayar RM120,000 seunit kepada Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri bagi mana-mana pemajuan permohonan kebenaran merancang yang dikemukakan selepas 24 Julai 2012 dan masih belum diluluskan.

